

# Kelemahan sistem pendidikan dikenal pasti

UM 17 APR 2001

Oleh ISMAIL DAUD  
dan ASUKI ABAS

**K**UALA LUMPUR 16 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan telah mengenal pasti kelemahan dalam sistem pendidikan negara yang menyebabkan matlamat pendidikan negara tidak tercapai sehingga kini.

Oleh itu, Perdana Menteri menegaskan, pembetulan dan perubahan perlu dilakukan dengan segera bagi menangani segala kelemahan berkenaan.

Menurutnya, antara kelemahan itu ialah ada pihak yang berpendapat bahawa sistem pendidikan negara bertujuan mengasingkan kaum-kaum di negara ini.

“Umpamanya, kita dapati di sekolah-sekolah, penekanan dibuat tentang soal-soal agama yang menyebabkan orang-orang bukan Islam tidak berminat untuk pergi ke sekolah kebangsaan.”

“Sedangkan kita mencipta sekolah kebangsaan ini dengan niat supaya orang bukan Melayu dan bukan Islam akan pergi ke sekolah kebangsaan,” katanya selepas mempekerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pada mesyuarat itu, seluruh anggota MT telah diberikan taklimat tentang sistem pendidikan negara dan pencapaiannya setakat ini.

Dr. Mahathir berkata,

kerajaan juga mendapati sistem pendidikan di sekolah kebangsaan tidak begitu berkesan berbanding di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Katanya, terdapat masalah tertentu yang menyebabkan tumpuan kepada soal disiplin kanak-kanak tidak mendapat keutamaan di sekolah kebangsaan.

Mac lalu, Dr. Mahathir menjelaskan orang Cina dan India tidak berminat untuk ke sekolah kebangsaan kerana suasananya yang kurang menarik serta bimbang anak-anak mereka akan didorong menerima adat resam orang Melayu dan Islam.

Kata Perdana Menteri, sekiranya sekolah kebangsaan dijadikan lebih menarik, lebih ramai

murid kaum India dan Cina akan berminat menyertai sekolah berkenaan.

Beliau berkata, apa yang berlaku ialah sekolah kebangsaan dilihat sebagai dikuasai oleh golongan yang cuba menjadikannya sebagai sekolah agama Islam.

## Menimbang

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, kerajaan hanya akan menimbang untuk mengkaji semula kadar penetapan ringgit jika ia menjadi terlalu mahal atau terlalu murah dalam tempoh masa yang panjang.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau pernah menyatakan akan mengkaji semula kadar penetapan RM3.80 kepa-

da setiap dolar Amerika jika ringgit meningkat lebih 20 peratus berbanding mata wang serantau, ia tidak akan dibuat jika fenomena itu hanya berlaku sehari sahaja.

“Jika ia berkekalan (20 peratus lebih nilai) atau nilai ringgit menjadi terlalu kukuh atau terlalu lemah, hanya pada masa itu kita akan menimbang untuk mengkaji semula kadar penetapan.”

“Bagaimanapun sehingga kini ia masih belum berlaku,” katanya sebagai menjawab soalan seorang wartawan asing yang meminta penjelasan mengenai perkara tersebut.

Mengenai pembiayaan defisit bagi Belanjawan 2001 serta pakej rangsangan tambahan yang diajukan oleh wartawan

yang sama, Dr. Mahathir sekali lagi mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan mungkin menerbitkan bon.

“Kerajaan mungkin akan membiayai defisit itu melalui terbitan bon atau cara-cara lain yang boleh,” katanya.

Kerajaan tahun lalu mengumumkan defisit se-

banyak RM16 bilion dalam Belanjawan 2001 bagi membolehkan sektor awam membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Pada 27 Mac lalu, kerajaan memperkenalkan pakej tambahan RM3 bilion untuk menangani kelemahan ekonomi Amerika Syarikat sebagai

tambahan kepada rangsangan sedia ada di dalam belanjawan tahun ini.

Bank Negara Malaysia sebelum ini menyatakan bahawa pembiayaan boleh diperolehi dengan mudah di luar negara atau dalam negara berikutan kadar tabungan kebangsaan dan jumlah mudah tunai tempatan yang ting-